



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (MESTECC)

KENYATAAN NEGARA DI MESYUARAT PERINGKAT TINGGI PERSIDANGAN KE-25 KONVENSYEN RANGKA KERJA PERUBAHAN IKLIM PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU

MADRID, SEPANYOL, 11 DISEMBER 2019

13 DISEMBER 2019, MADRID - Sesi Mesyuarat Peringkat Tinggi, Persidangan ke-25 negara parti kepada Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (25th *Conference of Parties to the United Nations Framework Convention on Climate Change - UNFCCC COP-25*) berlangsung dari 10 hingga 12 Disember 2019 di bandar raya Madrid, Sepanyol.

YB Puan Isnaraissah Munirah Majilis, Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim mewakili Malaysia di Segmen Peringkat Tinggi (*High Level Segment*) telah menyatakan komitmen Malaysia dalam melaksanakan usaha menangani perubahan iklim selaras dengan Konvensyen Perubahan Iklim dan Perjanjian Paris. Ke arah ini, Malaysia telah membangunkan dasar, ekosistem regulatori dan kewangan dalam memupuk ekonomi hijau dan pembangunan lestari yang rendah karbon.

Selaras dengan itu, kerajaan berhasrat untuk meningkatkan kapasiti sumbangan tenaga boleh baharu (TBB) sebanyak 20% menjelang tahun 2025. Kerajaan juga telah menjenamakan semula Perbadanan Teknologi

Hijau Malaysia kepada Pusat Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Malaysia.

Malaysia turut menekankan kepentingan prinsip tanggungjawab sama, beban berbeza dan keupayaan tersendiri (*common but differentiated responsibilities and respective capabilities*) sebagai faktor kejayaan dalam memenuhi obligasi Konvensyen Perubahan Iklim dan Perjanjian Paris. Malaysia juga menegaskan bahawa negara membangun perlu diberikan ruang untuk membangun secara mampan.

Negara-negara maju juga diminta untuk menerajui tindakan mitigasi serta memenuhi obligasi pelaporan dan meningkatkan usaha untuk mengurangkan emisi dan jurang bantuan kewangan, teknologi dan pembangunan kapasiti kepada negara-negara membangun untuk tempoh komitmen sebelum tahun 2020 yang masih belum ditunaikan sepenuhnya oleh mereka.

-TAMAT-

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Normaizatulkmal Tujad
Pegawai Perhubungan Awam Kanan
Unit Komunikasi Korporat,
MESTECC
No. Tel: 03-88858299

Dikeluarkan pada 13 Disember 2019, jam 4.30 petang.

